

06 MAY 2002

KERAJAAN SEDIA LAKSANA SEKOLAH ALIRAN INGGERIS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedia melaksanakan sekolah aliran Inggeris jika rakyat mahukannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Terpulanglah, jika rakyat mahukannya, (kerana) kerajaan yang mengamalkan demokrasi harus memenuhi kehendak masyarakat," katanya ketika diminta mengulas saranan supaya kerajaan memperkenalkan semula sekolah aliran Inggeris untuk membolehkan pelajar menguasai bahasa itu.

Bercakap pada sidang media selepas berucap pada mesyuarat agung antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di sini, Dr Mahathir berkata sesetengah orang tidak berupaya menyesuaikan diri dengan ekonomi baru kerana mereka lemah dalam bahasa Inggeris.

"Jadi, kita kena atasi kelemahan ini," katanya.

-- BERNAMA

MAD MR ZS MAI